

Perpaduan Kaum Di Malaysia : Suatu Penilaian
Baterah Alias (Dr)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam SELANGOR
bbaterah@salam.uitm.edu.my

Huzaimah Ismail (Prof Madya Dr)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam SELANGOR
huzaimah@salam.uitm.edu.my

Che Zarinna Sa'ari (Prof Madya Dr)

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
chezarinna@um.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan tahap hubungan etnik ke arah pencapaian matlamat perpaduan kaum di Malaysia. Latar belakang masalah kajian ialah dari sudut sejarahnya Malaysia pernah menghadapi konflik antara kaum sehingga menyebabkan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa. Oleh itu, perpaduan kaum amat penting untuk dipelihara dan dijaga supaya peristiwa yang menjadi titik hitam negara tidak berulang lagi. Perpaduan kaum di Malaysia didapati agak rapuh dengan pelbagai isu yang dicetuskan melibatkan etnik yang pelbagai. Objektif kajian ialah untuk menganalisis tahap hubungan etnik dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina, India dan pelbagai bangsa. Metodologi kajian menggunakan kajian perpustakaan bagi mendapatkan data kualitatif dan kajian lapangan untuk mendapatkan data kuantitatif bagi mengukuhkan dapatan kajian. Hipotesis kajian mendapati hubungan etnik di Malaysia berada dalam keadaan yang mungkin bila-bila masa sahaja boleh bergolak walaupun mungkin isu yang dicetuskan merupakan isu kecil yang melibatkan persoalan agama dan budaya tetapi boleh mengundang implikasi yang bahaya berdasarkan indeks perpaduan kaum di Malaysia. Dapatan kajian mendapati hubungan antara etnik renggang disebabkan perbezaan agama, budaya serta jurang ekonomi yang ketara antara kaum. Kertas kerja ini mencadangkan supaya hubungan etnik menurut Islam diaplikasikan dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia kerana Islam menekankan keharmonian hidup tanpa mengira bangsa dan agama sebagai indeks perpaduan dalam melestarikan kesejagatan hidup manusia. Kesimpulannya, hubungan antara kaum perlu dipelihara dan diambil perhatian serius oleh semua pihak tanpa mengira etnik bagi mengekalkan perpaduan serta mengelak dari membincangkan isu-isu yang boleh membangkitkan sensitiviti agama dan budaya etnik di Malaysia.

Katakunci : hubungan etnik, pelbagai kaum, perpaduan dan konflik.

PENDAHULUAN

Isu hubungan etnik sering diperbincangkan secara umum di peringkat negara ataupun menjangkau peringkat antarabangsa kerana konflik antara etnik sering berlaku sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Isu berkaitan dengan sikap dan prasangka individu dari kalangan etnik berbeza boleh mencetuskan konflik lebih besar sehingga menyebabkan pertumpahan darah serta kerosakan harta benda. (Syed Husin Ali, 2008:17, Shamsul Amri Baharudin, 2006:2). Sejarah telah membuktikan terdapat beberapa konflik antara etnik telah berlaku di Malaysia antaranya, Peristiwa 13 Mei 1969 (Parker, 1979:1) akibat daripada sikap tidak puas hati dari sudut agihan kekayaan negara, Peristiwa Kampung Medan pada Mac 2001 (Muhamad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hasan, 2005:109) akibat sikap tidak boleh bertolak ansur apabila berlaku pertembungan kepentingan antara dua pihak yang melibatkan hal ehwal agama yang memberi kesan yang agak kritikal (Utusan Malaysia, 26 November 2006), Peristiwa Kampung Rawa pada 1998 (Muhamad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hasan, 2005:109) diakibatkan oleh sikap tidak menghormati amalan agama etnik lain.

Isu yang melanda negara pada Disember 2010 berkaitan dengan hubungan etnik membabitkan bidang pendidikan. Buku komsas Tingkatan 5, "Interlok" telah dipolemikkan sehingga menjadi isu perkauman antara Melayu dan India. Penulisnya ialah Abdullah Husain seorang berbangsa Melayu menggunakan istilah "pria" kepada orang India semasa zaman penjajahan. Buku tersebut disiapkan pada tahun 1945 dan senario tersebut berbeza dengan zaman sekarang kerana istilah "pria" ditujukan kepada orang India merupakan sesuatu istilah biasa yang digunakan pada ketika tersebut. (Buku komsas Tingkatan 5) Pelbagai polemik telah berlaku berkaitan dengan isu ini dan akhirnya buku "Interlok" ditarik balik penggunaannya dan digantikan dengan buku "Konserto Terakhir". (Bernama, 21.12.2011) Persoalannya, kenapakah generasi hari ini yang ingin membuang sejarah dari lipatan pemikiran moden, sedangkan daripada sejarah tersebut, banyak pengajaran dapat diungkapkan. Umpamanya, sejarah penghijrahan orang India ke Tanah Melayu tidak dapat dilupuskan dari sudut fakta sejarah dan orang India di Malaysia kini telah menikmati pelbagai kemudahan sebagaimana yang mereka kecapi pada hari ini. (Soong, Kua Kia, 2008:33-53).

Laporan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, terdapat 327 kes berkaitan dengan konflik sosial berlaku di Malaysia dari tahun 1996 – 2002. Berdasarkan jumlah tersebut, 81 kes berkaitan pergaduhan antara etnik, 76 kes berkaitan politik, 65 kes berkaitan agama, 38 kes berkaitan keselamatan dan selebihnya ialah berkaitan konflik sosial seperti masalah kejiranan, pendidikan

dan sebagainya. Berdasarkan angka tersebut, masalah hubungan etnik agak membimbangkan dan perlu kepada satu garis panduan untuk dipatuhi oleh semua pihak. Fenomena ini merupakan trend yang bahaya dan sekiranya dibiarkan tanpa langkah pencegahan yang sistematik memberikan implikasi besar kepada masa depan negara. Berdasarkan fakta tersebut, kajian hubungan etnik dalam Islam perlu dijalankan bagi mencari apakah mekanisme yang terbaik untuk diterapkan kepada semua etnik di Malaysia supaya konflik antara etnik dapat dihindarkan. Setiap etnik perlu mempunyai sikap kebersamaan dan kebertanggungjawaban dalam kehidupan bermasyarakat. (Muhamad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hasan,2005:110)

Berdasarkan Laporan Statistik Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) Malaysia pada tahun 2009 ialah 21.6 kes/sejuta penduduk, pada tahun 2010 meningkat kepada 22.5 kes tetapi pada tahun 2011 menurun kepada 19 kes, manakala tahun 2012 pada suku ketiga sehingga bulan September 2012 menunjukkan terdapat 15.3 kes persejuta penduduk Malaysia. Statistik ini membayangkan ketegangan masyarakat sentiasa berlaku sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Statistik yang dibuat oleh JPNIN merupakan laporan yang didokumenkan, pada dasarnya terdapat banyak kes lain yang tidak dilaporkan dan tidak didokumenkan oleh JPNIN. (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri), Berita TV3, jam 8.00 malam pada 19 Disember 2012, laporan mengenai tersebarnya berita dilaman sosial menyatakan berlaku rusuhan kaum di Sungai Petani, Kedah. Walaupun berita ini sebagai khabar angin, kesannya terhadap masyarakat sekeliling mengakibatkan berlakunya pergaduhan kecil rentetan daripada peristiwa tersebut. Ini menunjukkan hubungan antara etnik sentiasa berada di ambang bahaya dan bakal mengundang konflik pada bila-bila masa sekiranya keamanan tidak dijaga. (Berita TV3, 19 Disember 2012.)

Isu hubungan etnik perlu dikaji kerana hubungan etnik di Malaysia didapati agak renggang (Amir Hasan Dawi, 2004) antara etnik berlainan bangsa, agama dan budaya akibat daripada kurangnya interaksi antara etnik sehingga menyebabkan konflik berlaku dalam kalangan masyarakat. Gejala ini harus dibendung bagi mengekalkan keharmonian dan keamanan negara. Terdapat beberapa faktor penyebab yang mempengaruhi renggangnya hubungan etnik, antaranya; faktor politik yang bersifat perkauman, (Muhsin Saifullizan bin Said, 1990) kurang memahami peruntukan perlombongan negara dan dasar-dasar kerajaan, (Kiaw, 2001) dari segi ekonomi; terdapat jurang perbezaan ekonomi yang ketara antara etnik, dari segi sosial; sifat perkauman yang menebal (Teil, 1989:30) dan etnosentrisme, dari aspek agama; (Ling, 2002) tidak memahami hak kebebasan beragama serta tidak mengamalkan perintah agama yang dianuti, dari segi pendidikan; terdapat jurang pendidikan antara etnik berbeza, dari aspek budaya; kurang memahami konsep kepelbagaian budaya hidup bermasyarakat, dari aspek adat; tidak menghormati adat dan budaya etnik lain dan dari aspek persekitaran

iaitu hilangnya semangat kejiranan. Selain daripada itu, terdapat juga pandangan yang menganggap agama sebagai duri yang boleh memecah belahkan masyarakat dan mengganggu gugat keharmonian etnik serta perpaduan negara. (Ghee, Lim Teck, Gomes, Alberto dan Azly Rahman, 2009:269) Pandangan ini merupakan suatu yang keterlaluan kerana agama adalah sebagai pembimbing manusia menjalani kehidupan bermasyarakat bukan sebagai pencetus kekacauan. (Utusan Malaysia, 17 Oktober 2007).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ialah untuk menganalisis tahap hubungan etnik dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina, India dan pelbagai bangsa.

HIPOTESIS KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan teori hipotesis berbentuk jawapan yang tentatif untuk menjawab persoalan kajian. (Blaikie, 2009:147) Hipotesis awal penyelidikan ini menjangkakan hubungan etnik dalam kalangan mahasiswa agak renggang (Mansor Mohd Noor, 2005:1) mungkin disebabkan oleh perbezaan dari segi agama dan budaya. Kajian ini perlu mencari suatu inisiatif untuk menambahbaik hubungan etnik sedia ada bagi menjamin kehidupan bermasyarakat terjalin dengan baik dan perpaduan dapat dicapai. Justeru itu, medium pendidikan merupakan mekanisme terbaik bagi memantapkan hubungan etnik dalam menjana modal insan supaya pembangunan spiritual seiring dengan pembangunan material.

Sejarah Hubungan Etnik Di Malaysia

Hubungan etnik di Malaysia bermula dengan penghijrahan masuk imigran dari pelbagai negara ke Tanah Melayu sehingga menyebabkan Tanah Melayu mempunyai penduduk pelbagai etnik yang berasal dari pelbagai negara di dunia. (Beng, 2011) Mereka membawa masuk bersama kepelbagaiannya budaya, adat resam, bahasa, kepercayaan dan sebagainya. Implikasinya ke atas Malaysia ialah wujud suatu bentuk masyarakat yang terdiri dari pelbagai etnik yang mempunyai ras yang berbeza serta mengamalkan budaya, bahasa, adat resam serta kepercayaan yang berbeza.(N. Muslim, Musa, & Buang, 2011) Kesan dari kemajmukan tersebut menyebabkan Malaysia sebagai sebuah negara yang multietnik dan multibudaya tetapi rakyatnya dapat hidup dengan aman dan harmoni.(N. B. Muslim, Samian, & Nizah, 2012)

Penduduk Malaysia sendiri lebih daripada 70 kumpulan etnik dengan variasi dalaman mereka tersendiri yang menambah kepada fenomena sosial dan budaya yang kompleks. Penempatan awal terdiri daripada orang Asli yang

mempunyai kaitan dengan manusia pada zaman batu pertengahan dan juga orang Asli Sabah dan Sarawak. Ianya diikuti pula oleh orang Melayu, pedagang dari China, India, Sumatera dan Jawa yang melawat kepulauan Melayu sejak daripada abad ke-5M yang membawa bersama pengaruh Buddha dan Hindu, sementara itu Islam diperkenalkan pada abad ke-14M. Pedagang kemudiannya menjadikan Tanah Melayu sebagai penempatan tetap mereka. Tambahan pula, masyarakat kosmopolitan ini dipercayai telah lama wujud sebelum tarikh itu direkodkan. Kesultanan Melaka (1400-1511) semasa zaman kegemilangannya merupakan contoh awal wujudnya masyarakat multi-culturalisme dan wujud hingga ke hari ini. (Hood Salleh, 2006:8) Pada masa pemerintahan Parameswara, etnik yang terdapat pada ketika tersebut ialah orang Melayu yang beragama Hindu, tetapi apabila Parameswara memeluk Islam pada tahun 1414, rakyat Melaka turut memeluk agama Islam bersama-sama dengan raja mereka. Semasa pemerintahan Parameswara, terdapat ramai orang Jawa, India, Cina, Burma dan lain-lain pendatang datang untuk menetap di Melaka. (Buyong Adil, 1974: 3)

Pembentukan Masyarakat Majmuk di Malaysia

Penduduk Malaysia terdiri daripada masyarakat pelbagai bangsa dan etnik. Pada dasarnya penduduk asal negara ini adalah masyarakat Bumiputera di Semenanjung seperti orang Melayu, Semelai, Jah Hut, manakala di Sabah dan Sarawak seperti Kadazan, Murut, Iban dan sebagainya. Selain daripada itu, wujud kaum lain seperti Indonesia, Cina dan India yang berpindah ke Malaysia. Hasil daripada proses interaksi dan asimilasi antara kaum-kaum ini, maka wujudlah masyarakat majmuk di Malaysia.(Bakar, 2005) Ini bukan satu proses yang mudah dan singkat. Ia mengambil masa beratus-ratus tahun bagi mewujudkan masyarakat majmuk seperti yang sedia ada di Malaysia pada hari ini. (INTAN,1991: 441)

Sejarah perkembangan masyarakat majmuk di Malaysia bermula dengan kemasukan buruh asing daripada negara China dan India oleh penjajah Inggeris (Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman, 2003:44), sebagai pemangkin kepada kegiatan ekonomi kapitalis barat dan perpindahan penduduk Indonesia sebagai satu penghijrahan masyarakat antara kepulauan Melayu bagi memperbaiki taraf kehidupan mereka di Tanah Melayu. (Snoodgrass, 1980:26) Ini bukan bermakna kemasukan bangsa-bangsa lain tidak penting, tetapi ketiga-tiga suku kaum tersebut adalah mempunyai bilangan kemasukan yang ramai sehingga mempengaruhi komposisi penduduk Malaysia. Menurut Snodgrass, terdapat masa-masa tertentu jumlah orang Melayu menurun beberapa tahun akibat daripada kemasukan imigran yang terlampau ramai sehingga Malaysia mencapai kemerdekaan tahun 1957. (Snoodgrass, 1980:26)

Hubungan Etnik di Malaysia

Rakyat Malaysia berasal daripada pelbagai keturunan komoditi imigran yang terdiri dari pelbagai masyarakat pendatang dari hampir-hampir semua arah pelusuk dunia. Data demografi tradisional, kegiatan ekonomi, warisan budaya dan bahasa telah terjejas akibat daripada permodenan dan pembangunan, walau bagaimanapun pelbagai kumpulan etnik tersebut terus kekal dengan identiti sosial dan budaya yang berbeza. (Hood Salleh, 2006:6)

Hubungan etnik di Malaysia mempunyai ciri-ciri tersendiri, berbeza sedikit dengan negara-negara lain. (Syed Husin Ali, 2008:1-3) Pertamanya, ialah setiap etnik lebih prihatin dan lebih wajar sebagai etnik bukan berdasarkan ras. Kumpulan etnik biasanya didasarkan kepada faktor sosio-budaya, sementara ras lebih kepada ciri-ciri fizikal. Berbagai etnik di Malaysia biasanya merujuk kepada satu keturunan yang sama. Sebagai contoh, walaupun orang Melayu dan orang Cina menunjukkan beberapa ciri fizikal yang berbeza tetapi mereka mempunyai asal ras keturunan yang sama iaitu Mongoloid. (G.A. Hillery:1956:111-113) Kedua, setiap kumpulan etnik tidak boleh dianggap sebagai homogen dari segi sosial, ekonomi dan politik. Ketiga, situasi etnik sekarang yang berkuasa tidak satupun berkait dengan hubungan majoriti minoriti, di mana satu kumpulan bukan sahaja mempunyai jumlah yang besar tetapi lebih dominan daripada kumpulan yang lain. Keempatnya, terdapat banyak ketegangan dan konflik yang dicetuskan berkaitan hubungan etnik di Malaysia yang menyebabkan tercetusnya rusuhan sehingga menyebabkan kematian, sebagaimana yang berlaku dalam Peristiwa 13 Mei 1969 melibatkan orang Melayu dengan Cina. (Soong, 2008) Walaupun, ada sesetengah kejadian yang berjaya dikawal dalam masa singkat. Perasaan tidak puas hati dan kecewa selalu ditunjukkan oleh kumpulan etnik yang berbagai. Kebiasaanannya luahan perasaan mereka adalah berkisar tentang pendidikan, budaya dan organisasi sosial dan parti politik yang menjadi pegangan mereka. (Hillery:1956:111-113)

Masyarakat Malaysia yang multinasional telah memperkayakan kepelbagaiannya adat, kebudayaan dan adat resam. Kebudayaan kebangsaan Malaysia adalah berasaskan kebudayaan orang-orang Melayu sebagai rakyat asal rantau ini. Kebudayaan Melayu itu sendiri berteraskan ajaran Islam seperti mengutamakan nilai-nilai sopan santun, kesederhanaan, keindahan, dan keharmonian hidup antara ahli-ahli keluarga, jiran tetangga dan masyarakat. Sikap tolak ansur antara kaum juga menjadi pegangan. Semua bentuk kebudayaan agama-agama lain adalah sentiasa dihormati. Sambutan hari-hari perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Thaipusam, Krismas, Gawai dan lain-lain dianggap sebagai perayaan penting. (Norkhanizan Manaf dan Hartini Hashim, 2006:36, Wallace, 1986:55)

Malaysia secara umumnya, mengadaptasi asal usul penduduk yang menjadi warganegara ini walaupun mereka terdiri daripada asal keturunan etnik yang berbeza. Interaksi inter-etnik digalakkan melalui perayaan berdasarkan

etnik hingga peringkat negara. Idea kepelbagaian etnik dan budaya telah dianggap sebagai memperkayakan Malaysia dengan kepelbagaian semua rakyat.(Muzaffar,1986) Budaya dan tradisi merupakan sesuatu yang disanjung, dirayakan dan diadaptasi oleh pelbagai komuniti masyarakat bagi melonjakkan identiti Malaysia. Ini menunjukkan bahawa bangsa yang harmoni dan bertolak ansur yang wujud dalam wadah budaya Malaysia. (Hood Salleh, 2006)

Isu Dan Cabaran Hubungan Etnik

Bahagian ini membincangkan tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh pelbagai etnik dalam menjalani kehidupan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Isu dan cabaran ini perlu ditangani dengan baik bagi menjamin keharmonian masyarakat terjaga. Selain daripada itu, setiap sesuatu isu yang berlaku dapat mematangkan masyarakat untuk menghadapi cabaran serta mencari mekanisme penyelesaian bagi mententeramkan keadaan. Perpaduan antara etnik berupaya melahirkan generasi masa hadapan yang lebih baik dan mempunyai jati diri sebagai seorang warganegara Malaysia.

Perbezaan Sosio-Demografi

Dalam peta dunia, Persekutuan Malaysia terletak dalam laluan strategik perairan antarabangsa. Pantai timur Semenanjung Malaysia mengadap Laut Cina Selatan. Di Pantai Barat pula mengadap Selat Melaka. Kedua-dua Selat Melaka dan Laut China Selatan adalah laluan yang menghubungkan negara-negara sebelah timur dan barat. Kedudukan Selat Melaka adalah merupakan laluan yang sangat sibuk. Malaysia meliputi kawasan seluas 330,000 kilometer persegi. Ia terletak dalam kawasan garis lintang antara satu hingga tujuh darjah Khatulistiwa yang mengalami iklim panas sepanjang tahun. (Chamil Wariya, 2007:151) Oleh kerana jarak yang jauh dan terbahagi pula kepada banyak negeri di bawah pentadbiran yang berbeza menyebabkan hubungan antara etnik menjadi kurang efektif. Masalah perbezaan geografi antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak merupakan halangan ke arah usaha untuk mewujudkan integrasi nasional. Integrasi wilayah merupakan salah satu mekanisme untuk menginterasikan hubungan etnik. Pada asasnya, konsep ‘integrasi wilayah’ bermaksud ‘persefahaman antara rakyat tanpa mengira wilayah atau kawasan asal mereka’. Dalam konteks Malaysia ‘intergrasi wilayah’ mengambil kira kawasan yang meliputi entiti geografi serta sempadan politik iaitu satu wilayah yang dikenali sebagai ‘Persekutuan Malaysia’. (INTAN,1991:528- 531)

Perbezaan Sosio-Ekonomi

Ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan antara etnik (Azim, 1997) dan jurang antara golongan miskin dan kaya masih lagi berlaku hingga sekarang ini, jika perkara ini tidak di atasi ia boleh menjadi penghalang utama ke arah

masyarakat yang bersatu padu. Jurang pendapatan yang besar menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam golongan yang tertindas dan lemah. Keadaan ini menjadi bertambah buruk sekiranya kemiskinan dan kedhaifan itu tidak diidentifikasi dengan satu-satu kaum sedangkan kaum yang lain dilihat sebagai mengaut kekayaan negara. (Wan Liz Osman Wan Omar, 2000:78)

Perbezaan jurang pendapatan,(Faaland, Parkinson, & Saniman, 1990) pengeluaran, kekayaan, pekerjaan dan jurang pendapatan antara sektor awam dan swasta yang jauh berbeza. Lama kelamaan ketidak seimbangan ini meluaskan lagi perbezaan budaya dan sosioekonomi antara Melayu dan bukan Melayu (Montesesini, 2011) dan matlamat kerajaan dalam meningkatkan penglibatan orang Melayu dalam bidang ekonomi.(Bruton, 1985)

Lebih daripada 5 dekad selepas negara mencapai kemerdekaan daripada British pada tahun 1957, hubungan antara tiga etnik utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India masih lagi kurang memuaskan.(Singh & Mukherjee, 1993) Berdasarkan realiti yang ada pada masa kini, orang Melayu masih jauh ketinggalan berbanding bangsa lain dalam bidang ekonomi. Massa kemiskinan Melayu berkaitan dengan ketidakseimbangan jumlah pendapatan, pekerjaan dan pemilikan harta. Majoriti orang Melayu tinggal di luar bandar yang terlibat dengan sektor ekonomi yang kurang produktif menyebabkan mereka berada pada tahap kemiskinan.(Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman, 2003:44)

Perbezaan Sosio-Budaya

Malaysia mempunyai rakyat berbilang kaum, agama dan budaya yang mempunyai ciri-ciri tersendiri dan berlainan. Oleh yang demikian tunggak utama negara ialah ke arah mewujudkan perpaduan antara kaum yang berlainan agama dan budaya untuk memastikan perpaduan berterusan. Negara juga berusaha untuk mewujudkan satu identiti nasional yang dapat menjadi tunggak kepada perpaduan negara bagi menjamin keselamatan negara. Negara kucar kacir sekiranya wujud pertelingkahan kaum. Dengan yang demikian, sesiapa sahaja yang cuba untuk menggugat perpaduan kaum tanpa mengira kumpulan organisasi atau individu adalah dianggap sebagai musuh negara. Malaysia sentiasa berusaha dan memberi tumpuan utama dalam menegakkan perpaduan antara kaum. Usaha ini ditumpukan dalam semua bidang sama ada sosial, ekonomi atau politik yang dijalankan dengan penuh semangat toleransi dan saling memahami hasrat semua golongan rakyat.(INTAN,1991:818)

Perbezaan Sosio-Politik

Di Malaysia, terdapat pelbagai parti politik yang kebanyakannya adalah parti politik berdasarkan kepada kaum atau lebih dikenali sebagai politik perkauman. Sekali pun parti pemerintah menunjukkan adanya penyatuhan berbagai-bagai

parti politik dalam satu komponen, pada umumnya politik perkauman masih merupakan satu ciri penting politik negara. Parti-parti pembangkang misalnya, masih menyuarakan isihati dan tuntutan satu-satu kaum tertentu. Ini mudah menimbulkan dan mengukuhkan perasaan perkauman. Dalam konteks ini ternyata bahawa pembentukan Barisan Nasional sangat bermakna dan praktikal kerana ia mengabungkan pelbagai parti politik meskipun masing-masing adalah parti perkauman. (Nazaruddin Mohd Jali, 2005:233) Begitu juga dengan pembangkang, Barisan Alternatif juga mengabungkan pelbagai parti yang juga merupakan parti perkauman dalam menguatkan barisan pembangkang.

Pendekatan politik yang diambil ialah tindakan melalui sistem perundangan, di mana undang-undang dan akta digubal oleh parlimen untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan perpaduan. Perlembagaan mengandungi beberapa perkara yang menjurus kepada kesamarataan kaum, umpamanya peruntukan yang memberi perlindungan kepada kumpulan-kumpulan kaum tertentu. Misalnya, perkara yang berkaitan dengan hak istimewa orang Melayu dan kerakyatan bagi pihak lain. Salah satu objektifnya ialah agar orang-orang Melayu yang ketinggalan dalam bidang ekonomi diberikan ‘pertolongan’ supaya sama-sama dapat membangun dengan kaum-kaum lain demi untuk menseimbangkan kedudukan ekonomi dan sosial antara kaum. Peruntukan kerakyatan kepada bukan Bumiputera pula memberikan status rakyat tulen dan boleh menikmati pelbagai keistimewaan.(Nazaruddin Mohd Jali, 2005:233)

Menyatukan parti-parti yang berbilang kaum ke dalam satu pertubuhan yang lebih besar, iaitu Perikatan dan kini Barisan Nasional bukanlah sesuatu yang mudah kerana setiap parti mempunyai tuntutan tertentu demi menjamin survival partinya. Walaupun kebanyakan parti politik masih menyuarakan hasrat kaum masing-masing, namun melalui pertubuhan ini segala pertentangan antara kaum dapat diselaraskan dan diselesaikan oleh wakil parti-parti. Sistem yang bersifat akomodasi ini sedikit sebanyak berjaya dalam menangani perselisihan antara kaum. (Nazaruddin Mohd Jali, Ma'arof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah. Ismail Mohd Rashid, 2005:234) Pengajaran daripada peristiwa 13 Mei 1969 perlu dijadikan iktibar supaya semua etnik berhati-hati dalam memainkan isu yang membabitkan sentimen agama, perkauman, harga diri dan sebagainya. Ini adalah kerana perkara-perkara tersebut amat sensitif untuk diperkecilkan oleh kaum lain. (Zakaria Ahmad, 1998:54, Barracough, 1988:53, Oo Yu Hock:1991:7, Soong, 2007:41) Sejarah tetap menjadi sejarah, ia tidak dapat dipadamkan dalam lipatan sejarah, walaupun sebahit mana sekalipun ia tetap menjadi ingatan bagi pihak tertentu. Oleh itu, perpaduan kaum amat penting untuk dipelihara oleh semua pihak supaya masyarakat dapat hidup dengan aman dan damai tanpa ada sebarang pertelingkahan.

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan kajian perpustakaan dan kajian lapangan yang tertumpu di Institut Pengajian Tinggi Awam kawasan Zon Tengah iaitu UM, UKM, UPM, UteM, UiTM dan INTEC. Analisis data menggunakan sistem perisian data SPSS. Kajian ini menggunakan soal selidik bagi mendapatkan data kuantitatif. Reka bentuk soalan menggunakan skala likert, ordinal dan nominal. Skala yang digunakan ialah 1 = Sangat Tidak Setuju (STS), 2 = Tidak Setuju (TS), 3 = Kurang Setuju (KS), 4 = Setuju (S) dan 5 = Sangat Setuju (SS). Min dan Sisihan piawaian (SP) digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi bagi mendapatkan keputusan dapatan kajian.

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Kajian ini melibatkan 3249 responden yang terdiri dari (n=1131, 34.8%) responden lelaki dan (n=2118, 65.2%) responden perempuan. Responden terdiri pelbagai agama yang umumnya menjadi anutan rakyat Malaysia. Dapatan kajian mendapati, daripada 3249 responden, (n=2656, 81.7%) beragama Islam, Kristian (n=154, 4.7%), Hindu (n=89, 2.7%), Buddha (n=331, 10.2%), Sikh (n=4, 0.1%), Tiada Agama (n=10, 0.3%) dan lain-lain agama (n=5, 0.2%) responden yang terdiri dari Baha'i (n=2) responden, Khatolik (n=1) responden, Taoisme (n=1) responden dan seorang responden tidak menyatakan agamanya.

Kajian ini melibatkan responden yang terdiri dari pelbagai bangsa secara keseluruhannya mewakili rakyat Malaysia, iaitu Melayu (n=2581, 79.4%), Cina (n=408, 12.6%), India (n=102, 3.1%), Bumiputera Sabah dan Sarawak (n=138, 4.2%) dan lain-lain bangsa (n=20, 0.6 %) responden. Lain-lain bangsa terdiri dari Arab (n=1), Banjar (n=1), Bidayuh Iban (n=1), Bugis (n=1), Cina Bidayuh (n=1), Peranakan (n=1), Punjabi (n=3), Siam (n=4) dan Sinhalese (n=1) dan seramai 6 responden tidak menyatakan bangsa mereka.

Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada lima buah universiti yang dipilih berdasarkan kriteria tertentu di kawasan Zon Tengah. Dapatan kajian mendapati (n=1228,37.8%) responden daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, (n=373, 11.5%) responden daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi (n=242, 10.5%) responden, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang (n=465, 14.3%) responden, Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur (n=403, 12.4%) responden dan International Education Centre (INTEC) UiTM Shah Alam (n=438, 13.5%) responden. Secara keseluruhannya seramai 3249 responden terlibat dalam kajian ini.

Kefahaman dan kesedaran menjaga hubungan etnik

Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data kuantitatif bagi mengenalpasti tahap kefahaman pelajar mengenai konsep hubungan etnik di Malaysia. Berdasarkan Jadual 1, analisis data berkaitan tahap intergrasi antara etnik bagi merapatkan perpaduan. Dapatkan kajian mendapati majoriti responden bersetuju bahawa berhubung antara satu sama lain dapat menjalinkan perpaduan iaitu ($n=2953$, 90.9%) daripada 3249 responden yang terlibat dengan kajian ini. Berdasarkan Jadual 2, analisis perbandingan yang dijalankan mengikut bangsa menunjukkan 90% daripada etnik Melayu, 92% daripada etnik Cina dan 93% daripada etnik India bersetuju bahawa hubungan antara satu etnik dengan etnik yang berbeza boleh merapatkan perpaduan antara etnik.

Analisis item berkaitan dengan konsep asimilasi iaitu mengamalkan budaya dan adat resam yang berbeza dengan etnik sendiri. Kajian ini mendapati ($n=2188$, 67.3%) responden tidak mengamalkan budaya yang lain selain daripada budaya sendiri. Analisis perbandingan berdasarkan bangsa menunjukkan 72% daripada kaum Melayu, 51% daripada kaum Cina dan 60% daripada kaum India tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Oleh itu, dapatan kajian mendapati bahawa lebih daripada 68% responden tidak mengamalkan budaya dan adat resam yang lain daripada budaya dan adat resamnya sendiri terutamanya dalam kalangan orang Melayu iaitu 72% daripada mereka menyatakan tidak mengamalkan budaya dan adat resam etnik lain. Kajian ini mendapati konsep asimilasi kurang diamalkan kerana setiap etnik masih mempertahankan budaya dan adat resamnya yang tersendiri.

Rasisme merujuk kepada teori atau doktrin yang diwarisi daripada ciri-ciri fizikal seperti warna kulit, bentuk muka, tekstur rambut dan seumpamanya yang menentukan bentuk tingkahlaku, sifat diri atau personaliti dan keupayaan intelek. Secara amalannya, rasisme menganggap sesetengah bangsa adalah lebih tinggi daripada bangsa lain. Analisis data berkaitan dengan amalan rasisme dalam kalangan rakyat Malaysia menunjukkan ($n=1503$, 46.3%) responden menyatakan memang berlaku rasisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Analisis perbandingan yang dijalankan mengikut bangsa menunjukkan 44% daripada kaum Melayu, 59% daripada kaum Cina dan 45% daripada kaum India menyatakan berlakunya rasisme dalam kalangan masyarakat Malaysia. Analisis data menunjukkan orang Cina beranggapan bahawa rakyat Malaysia mengamalkan rasisme berdasarkan peratusan yang lebih tinggi berbanding dengan etnik Melayu dan India. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa terdapat unsur rasisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Data ini membuktikan bahawa rasisme tetap berlaku dalam kehidupan seharian sama ada secara langsung maupun tidak langsung.

Etnosentrisme atau kepercayaan bahawa kebudayaan kita sendiri lebih baik dan lebih tinggi nilainya daripada kebudayaan kelompok lain. Etnosentrisme

membayangkan keengganan atau ketidakmampuan sesuatu kelompok untuk menghargai pandangan kelompok daripada kebudayaan atau masyarakat yang lain. Analisis data menunjukkan hanya ($n=1445$, 45.7%) responden menganggap etniknya lebih baik daripada etnik lain. Analisis perbandingan menunjukkan 50% daripada etnik Melayu, 72% daripada etnik Cina an 71% daripada etnik India menyatakan tidak merasakan etniknya lebih baik daripada etnik lain. Dalam hal ini, etnik Melayu agak berbelah bagi sama ada menyokong atau menyangkal pernyataan tersebut berdasarkan keputusan data peratusan kajian yang diperolehi. Analisis ini menunjukkan bahawa etnik Cina dan India tidak merasakan bahawa etnik mereka lebih baik daripada etnik lain.

Hipotesis berkaitan masyarakat Malaysia akan mengalami konflik etnik sekiranya hubungan antara etnik tidak dijaga. Analisis kajian menunjukkan majoriti responden ($n= 2994$, 92.2%) berpandangan bahawa hubungan antara etnik perlu dijaga supaya mengelakkan daripada berlakunya konflik. Analisis data secara perbandingan mengikut bangsa menunjukkan bahawa 92% daripada responden Melayu, 94% responden Cina dan 79% daripada etnik India bersetuju untuk menjaga hubungan antara etnik. Dapatkan kajian mendapati bahawa semua etnik berkeyakinan bahawa Malaysia akan mengalami konflik sekiranya hubungan antara etnik tidak dijaga dan dipelihara kerana mungkin disebabkan perkara yang kecil dan remeh tetapi sekiranya tidak ditanggani dengan bijaksana akan mendatangkan bahaya kepada negara. Peristiwa 13 Mei 1969 perlu diambil ikhtibar oleh semua etnik dan sedar bahawa hubungan antara etnik harus dijaga supaya keamanan negara akan terus terpelihara. Selain daripada itu, semua etnik perlu berhati-hati dalam pergaulan dan tindakan yang melibatkan etnik berbeza supaya tidak menimbulkan sikap prejedis dan etnosentrik kerana sikap ini akan meningkatkan semangat perkauman yang boleh menyebabkan berlakunya konflik.

Kajian ini mendapati keadilan dan kesamarataan antara kaum di Malaysia masih sukar dicapai berdasarkan ($n=1853$, 57.0%) responden yang memberikan pandangan mereka mengenai isu ini. Analisis perbandingan mengikut bangsa menunjukkan 56% daripada etnik Melayu, 65% etnik Cina dan 46% etnik India bersetuju bahawa keadilan dan kesamarataan antara kaum di Malaysia amat sukar dicapai kerana berlaku ketidakseimbangan sosial, politik dan jurang ekonomi yang luas antara satu etnik dengan etnik yang lain. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil inisiatif bagi merapatkan jurang tersebut dengan menyediakan infrastruktur yang selengkapnya bagi mencapai keseimbangan ekonomi antara kaum.

Jadual 1 : Frekuensi Tahap Kefahaman Mengenai Hubungan Etnik Di Malaysia.

Perkara	Kekerapan					Jumlah	
	Kefahaman mengenai hubungan etnik		Tidak		Bil		
	Bil	%	Bil	%			
a. Berhubung antara satu etnik dengan etnik lain	2953	90.9	296	9.1	3249		
b. Mengamalkan budaya dan adatresam yang berbeza	1061	32.7	2188	67.3	3249		
c. Malaysia mengamalkan rasisme	1503	46.3	1743	53.6	3246		
d. Merasa etnik sendiri lebih baik daripada etnik lain	1485	45.7	1764	54.3	3249		
e. Malaysia akan mengalami konflik etnik	2994	92.2	255	7.8	3249		
f. Keadilan dan kesamarataan antara kaum di Malaysia amat sukar dicapai	1853	57.0	1395	42.9	3248		

Sumber : Soal Selidik,2011

Jadual 2 : Frekuensi Berdasarkan Bangsa Mengenai Hubungan Etnik Di Malaysia

Frekuensi Berdasarkan Bangsa Mengenai Hubungan Etnik Di Malaysia							
Soalan	Jawapan	Bangsa Jumlah					
		Melayu	Cina	India	Bumiputera Sabah & Sarawak	Lain-lain	Jumlah
14a	Ya	2327	379	95	132	20	2953
		90.2%	92.9%	93.1%	95.7%	100.0%	90.9%
	Tidak	254	29	7	6	0	296
		9.8%	7.1%	6.9%	4.3%	.0%	9.1%
14b	Ya	728	201	41	77	14	1061
		28.2%	49.3%	40.2%	55.8%	70.0%	32.7%
	Tidak	1853	207	61	61	6	2188
		71.8%	50.7%	59.8%	44.2%	30.0%	67.3%
14c	Ya	1135	240	46	68	14	1503
		44.0%	58.8%	45.1%	49.3%	70.0%	46.3%
	Tidak	1443	168	56	70	6	1743
		56.0%	41.2%	54.9%	50.7%	30.0%	53.7%
14d	Ya	1303	115	30	30	7	1485
		50.5%	28.2%	29.4%	21.7%	35.0%	45.7%
	Tidak	1278	293	72	108	13	1764
		49.5%	71.8%	70.6%	78.3%	65.0%	54.3%
14e	Ya	2378	383	81	133	19	2994
		92.1%	93.9%	79.4%	96.4%	95.0%	92.2%
	Tidak	203	25	21	5	1	255
		7.9%	6.1%	20.6%	3.6%	5.0%	7.8%
14f	Ya	1437	266	47	88	15	1853
		55.7%	65.2%	46.1%	63.8%	75.0%	57.1%
	Tidak	1143	142	55	50	5	1395
		44.3%	34.8%	53.9%	36.2%	25.0%	42.9%

Sumber : Soal Selidik, 2011.

Berdasarkan Jadual 3, secara keseluruhannya, tahap kefahaman mengenai hubungan etnik di Malaysia berdasarkan ujian ANOVA sehalia menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara bangsa $p=0.000$. Berdasarkan Jadual 4, keputusan perbandingan “Multiple Comparisons” menunjukkan, terdapat perbezaan yang signifikan antara Melayu dengan Cina ($0.000, p>0.05$). Tetapi tidak ada perbezaan kefahaman mengenai hubungan etnik di Malaysia antara Melayu dengan India ($p=0.84, p< 0.05$), begitu dengan antara Melayu dengan Bumiputera Sabah dan Sarawak $p=0.182$. Terdapat perbezaan yang signifikan antara Melayu dengan lain-lain bangsa $p=0.002$ kerana perbezaan min yang signifikan ialah kurang daripada $p=0.05$. Analisis perbandingan yang dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara Cina dengan India $p=0.000$ dan Cina dengan lain-lain bangsa $p=0.04$ tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Cina dengan Bumiputera Sabah dan Sarawak $p=0.242$. Terdapat perbezaan yang signifikan antara India dengan Bumiputera Sabah dan Sarawak $p=0.026$ tetapi berbeza pula antara India dengan lain-lain bangsa yang terdapat perbezaan yang signifikan $p=0.000$. Analisis perbandingan antara Bumiputera Sabah dan Sarawak dengan lain-lain bangsa, keputusannya menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-duanya $p=0.014$. Kesimpulannya, analisis data mendapati bahawa terdapat perbezaan kefahaman yang signifikan antara Melayu dengan Cina, Cina dengan India, tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Melayu dengan India dan Bumiputera Sabah dan Sarawak. Oleh itu, perlu ada usaha untuk memberikan kefahaman mengenai hubungan etnik di Malaysia supaya perselisihan fahaman antara etnik dapat dielakkan.

Jadual 3 : Perbandingan Berdasarkan Bangsa Tahap Kefahaman Responden Mengenai Hubungan Etnik Di Malaysia

ANOVA					
	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	0.435055428	4	0.108764	8.301938	0.000
Within Groups	42.49970728	3244	0.013101		
Total	42.93476271	3248			

Sumber : Soal Selidik, 2011.

Jadual 4 : Perbandingan Mengikut Bangsa Tahap Kefahaman Responden Mengenai Hubungan Etnik Di Malaysia

Bangsa	Bangsa	Sig.
Melayu	Cina	0.000
	India	0.084
	Bumiputera Sabah dan Sarawak	0.182
	Lain-lain	0.002
Cina	Melayu	0.000
	India	0.000
	Bumiputera Sabah dan Sarawak	0.242
India	Lain-lain	0.040
	Melayu	0.084
	Cina	0.000
	Bumiputera Sabah dan Sarawak	0.026
Bumiputera Sabah dan Sarawak	Lain-lain	0.000
	Melayu	0.182
	Cina	0.242
	India	0.026
Lain-lain	Lain-lain	0.014
	Melayu	0.002
	Cina	0.040
	India	0.000
Bumiputera Sabah dan Sarawak		0.014

Sumber : Soal Selidik, 2011.

CADANGAN DAN RUMUSAN

Sebagai rumusan, dapatan kajian mendapati hubungan antara etnik renggang disebabkan perbezaan agama, budaya serta jurang ekonomi yang ketara antara kaum. Hubungan antara kaum perlu dipelihara dan diambil perhatian serius oleh semua pihak tanpa mengira etnik bagi mengekalkan perpaduan serta mengelak dari membincangkan isu-isu yang boleh membangkitkan sensitiviti agama dan budaya etnik di Malaysia. Kertas kerja ini mencadangkan supaya hubungan etnik menurut Islam diaplikasikan dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia kerana Islam menekankan keharmonian hidup tanpa mengira bangsa dan agama sebagai indeks perpaduan dalam melestarikan kesejagatian hidup manusia. Budaya kenal mengenal, ziarah menziarah, hormat menghormati, bertolak ansur, bekerjasama adalah merupakan aplikasi hubungan etnik menurut Islam sebagaimana yang disarankan al-Qur'an dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang maksudnya, "Allah menjadikan manusia terdiri daripada pelbagai puak dan bangsa bertujuan untuk mengenali antara satu sama lain...." Dalam Islam hubungan antara etnik yang berbeza boleh merapatkan perpaduan dengan menghilangkan kepercayaan negatif antara satu etnik berdasarkan fizikal-biologi sesuatu etnik. Hubungan antara etnik harus dijaga supaya keamanan negara

akan terus terpelihara dan perlu berhati-hati dalam pergaulan dan tindakan yang melibatkan etnik berbeza supaya tidak menimbulkan sikap prejedis dan etnosentrik kerana sikap ini akan meningkatkan semangat perkauman yang boleh menyebabkan berlakunya konflik antara etnik.

RUJUKAN

- Abdul Munir Yaakob (2006), “Perlembagaan Tidak Halang Islam”, Utusan Malaysia, 17 Oktober 2007.
- Amir Hasan Dawi (2004), “Hubungan Etnik di Institusi Pengajian Tinggi : Satu Kajian Etnografi Habitus dan Model Budaya dalam Kalangan Pelajar Berlainan Etnik”.(Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Azim., A. F. (October 20-21, 1997). “Rural Development and Poverty Eradication in Malaysia, 1970-1995” (pp. 1-31.). Kuala Lumpur, Malaysia: The First ASEAN Senior Officials’ Meeting on Rural Development and Poverty Eradication.
- Baharom Mahusin (2006), “Arah Hubungan kaum di Malaysia”, Utusan Malaysia, 26 November 2006.
- Barraclough, Simon (1988) , A Dictionary of Malaysian Politics, Singapura : Heinemann Asia.
- Beng, O. K. (2011). Towards a federalism that suits Malaysia’s diversity. *Kajian Malaysia*, 29(SUPPL 1), 199-214.
- Berita TV3, jam 8.00 malam 19 Disember 2012.
- Blaikie, N.W.H. (2009), Designing Social Research, cambridge, UK : Polity Press.
- Bruton, M. J. (1985). Peninsular Malaysia: Conflict between economic and social goals. *Cities*, 2(2), 124-139.
- Buku komsas Tingkatan 5, “Interlok” Bernama, 31.3.2011, Bernama 21.6. 2011 dan Berita Harian, 24.6.2011.
- Buku ‘Konserto Terakhir’ Bernama, 21.12.2011, Berita Harian, 21.12.2011, Berita Harian, 23.12.2011, Berita Harian, 24.12.2011
- Bunnell, Tim, S. Nagarajan, & Willford, A. (May 2010), “From the Margins to Centre Stage : ‘Indian’ Demonstration Effects in Malaysia’s Political Landscape”, *Urban Studies*, Vol. 47 (6), h. 1257-1278.

- Buyong Adil (1974), The History of Malacca, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faaland, Just, Parkinson, Jack dan Rais Saniman (2003), Growth and Ethnic Inequality, Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors.
- Ghee, Lim Teck, Gomes, Alberto dan Azly Rahman (2009), Multiethnic Malaysia Past, Present and Future, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Hillery, G.A. (1956), "Definition of Communities : Areas of Agreement", Journal of Rural Sociology, Vol. XX, h. 111-123.
- Hock, Oo Yu (1991), Ethnic Chameleon Multiracial Politics in Malaysia, Petaling Jaya : Pelandok Publications.
- Hood Salleh (2006), The Encyclopedia of Malaysia Peoples and Traditions, j. 12, Singapore : Archipelago Press.
- INTAN (1991), Malaysia Kita, Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri, http://www.jpnin.gov.my/arkib_hebahan2012? , 17 Disember 2012.
- Jayum, A. Jawan (2003), Malaysian Politics & Government, Shah Alam: Karisma Publications.
- Kiaw, Lim Boon (2001), "Hubungan Etnik di Universiti Malaya: Satu Kajian Terhadap Pola Interaksi Sosial di kalangan Pelajar", (Latihan ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya).
- Ling, Tan Mooi (2002) "Hubungan Etnik di Kedah, Sautu Kajian Di Kampung Padang Lembu", (Latihan ilmiah peringkat Ijazah Sarjana Muda Sastera oleh Jabatan Antropologi dan Sosialogi Universiti Malaya).
- Mansor Mohd Noor (ed.) (2005), "Integrasi Etnik di Institut Pengajian Tinggi Awam", Monograf Penyelidikan Pendidikan Tinggi, Bil. 6.
- Max U Montesino (2011), Cross-cultural conflict and affirmative action: Inter- and intra-ethnic dilemmas of Malaysia's heterogeneous workplace, International Journal of Cross Cultural Management, 2012 12: 115.

Muhamad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hasan (ed.), (2005), *Readings on Ethnic Relations in a Multicultural Society*, Serdang : Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM.

Muhd. Saifullizan bin Said (1990), "Hubungan Etnik (Melayu dan Cina) dari Sudut Sosio Politik Di Mukim Chukai, Kemaman, Terengganu: Satu Kajian Kes", (Latihan ilmiah peringkat Ijazah Sarjana Muda Sastera oleh Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya).

Muslim, N. B., Samian, A. L., & Nizah, M. A. M. (2012). The discrimination of protection in the federal constitution from the perspective of ethnic relations in Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(3 SPECL.ISSUE 2), 447-451.

Muslim, N., Musa, N. Y., & Buang, A. H. (2011). Ethnic relations in Malaysia from an Islamic perspective. *Kajian Malaysia*, 29(1), 1-28.

Muzaffar, C. (1986). Ethnic Relations And National Unity In Malaysia. Paper presented at the Seminar Kajian Hubungan Etnik, Kuala Lumpur.

Nazaruddin Mohd Jali, Ma'arof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah. Ismail Mohd Rashid, (2005), *Pengajian Malaysia*, Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Norkhanizan Manaf dan Hartini Hashim (ed.) (2006), *Malaysia Buku Rasmi Tahunan 2006*, Kuala Lumpur : Jabatan Penerangan Malaysia.

Parker, William C. (1979), *Communication and The May 13th Crisis A Psychocultural Interpretation*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Shamsul Amri Baharuddin (2006), *Modul Hubungan Etnik*, Shah Alam, Selangor : Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.

Singh, J. S., & Mukherjee, H. (1993). Education and national integration in Malaysia: Stocktaking thirty years after independence. *International Journal of Educational Development*, 13(2), 89-102.

Snoodgrass, Donald R. (1980), *Inequality and Economic Development in Malaysia*, Kuala Lumpur : Oxford University Press.

Soong, K. K. (January 2008). Racial conflict in Malaysia: against the official history. *Race & Class*, 49 (3), 33-53.

Soong, Kua Kia (2007), May 13, Declassified Documents on the Malaysian Riots of 1969, Kuala Lumpur : SUARAM.

Soong, Kua Kia (2008), "Racial conflict in Malaysia: Against the official history", *Race and Class*, Vol. 49(3), h. 33-53.

Syed Husin Ali (2008), *Ethnic Relations in Malaysia, Harmony & Conflict*, Petaling Jaya : Strategic Information and Research Development Centre.

Syed Husin Ali (2008), *The Malays : Their Problem and Future*, Petaling Jaya : The Others Press.

Teil, Goh Cheng (1989), *Racial Politics in Malaysia*, Petaling Jaya : FEP International Sendirian Berhad.

Wallace, Alfred Russel (1986), *The Malay Archipelago*, Singapura, Graham Brash.

Wan Liz Osman Wan Omar (2000), *Mengurus Agenda Abad 21*, Kuala Lumpur, Golden Books Centre Sdn Bhd..

Zakaria Ahmad (Prof. Dato'), (1998), *The Encyclopedia of Malaysia, Government and Politics (1940-2006)*, v. 11, Singapore : Archipelago Press.